



I ❤️ PERDA

# BULETIN

## AKRAB PERDA



BIL: 1 /2024

EDISI: JANUARI – JUN 2024

### Menarik Di Dalam:

- 26-27 Februari 2024 - Kursus Pengurusan Kewangan (AKRAB) (KKDW)
- 20 Mac 2024 - Perkongsian Ilmu *Psychology Wellness* Ramadhan Bersama Ahli AKRAB (KKDW)
- 27 Mac 2024 - Mesyurat AKRAB PERDA Bil.1/2024
- 29 Mac 2024 - PROGRAM BICARA ILMU "RAMADHAN TALK" Siri 1
- 5 April 2024 - PROGRAM BICARA ILMU "RAMADHAN TALK" Siri2
- 2 April 2024 - Pentauliahan AKRAB PERDA
- 10 Mei 2024 - Bengkel Latihan AKRAB PERDA
- 8 Mei 2024 - Ziarah Keluarga Mangsa Helikopter
- 24 Mei 2024 - AKRAB United
- 14 Jun 2024 - Himpunan Aspirasi Madani Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Bersama YAB Perdana Menteri



## **KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW) TAHUN 2024**

Kursus Pengurusan Kewangan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) (KKDW) telah diadakan pada 26 - 27 Februari 2024 di Bilik Latihan 1, Aras 3, Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW). Matlamat utama kursus ini bukan sekadar memahami tetapi juga sangat mendorong untuk mengamalkan ilmu dalam mencapai objektifnya. Kursus ini bertujuan untuk memberi kemahiran berkaitan dengan pengurusan kewangan kepada peserta agar mereka dapat mengaplikasikan kemahiran tersebut untuk membantu warga di agensi yang menghadapi masalah kewangan serius.

Puan Farhana dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah menyampaikan ilmu kewangan serta berkongsi cerita dan strategi kepada semua peserta AKRAB KKDw. Kami berharap ahli AKRAB PERDA dapat membantu rakan sekerja yang berhasrat untuk mengubah kehidupan mereka dalam pengurusan kewangan, serta bersedia membantu individu di agensi yang menghadapi masalah keberhutangan yang serius.

Berikut adalah objektif kursus ini:

- Meneroka kaedah-kaedah untuk menyimpan, mengurus, dan melindungi wang secara berhemah.
- Mempertingkatkan pengetahuan dalam merancang dan memastikan masa depan yang mampan.
- Mendedahkan cara-cara untuk melindungi diri daripada penipuan kewangan.

Semoga kursus ini memberi manfaat kepada semua peserta dalam memperkuuhkan kemahiran pengurusan kewangan mereka dan memberi impak positif kepada komuniti di sekeliling mereka.



# PERKONGSIAN ILMU

## Apakah Peraturan Meminjam:

- 1) Pinjam hanya untuk tujuan produktif dan untuk sesuatu yang amat diperlukan
- 2) Pinjam mengikut kemampuan
- 3) Peminjam mempunyai tanggungjawab moral untuk membayar pinjaman.

## Apa itu kadar faedah?

Kadar faedah ialah caj yang dikenakan keatas wang yang dipinjam atau keuntungan yang diperoleh daripada wang yang didepositkan. Semakin tinggi risikonya, semakin tinggilah kadar faedahnya.

## Siapa itu Penjamin?

Seorang penjamin bukanlah peminjam utama suatu pinjaman. Walau bagaimanpun, penjamin adalah bertanggungjawab terhadap baki belum jelas pinjaman, termasuk faedah, jika peminjam utama gagal melunaskan hutangnya. Penjamin diperlukan apabila kedudukan kredit individu diragui.

## Piramid Kewangan Memudahkan Pengurusan Kewangan Anda

*“Dalam sistem piramid kewangan ini, pengurusan simpanan, aset, pelaburan dan perlindungan dibahagi sebaiknya dengan seimbang.”*



## PERKONGSIAN ILMU *PSYCHOLOGY WELLNESS* RAMADHAN

### BERSAMA AHLI AKRAB KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)

Cawangan Psikologi (KKDW) telah mengadakan program perkongsian ilmu *Psychology Insight* pada 20 Mac 2024 melalui *Google Meet*. Program *Psychology Wellness* Ramadhan bertajuk "*Love Life Living Life*" telah disampaikan oleh Puan Mazita Ahmad, Pensyarah dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Program ini membincangkan bagaimana cinta yang suci dan mendalam dapat memupuk sikap komitmen yang tinggi terhadap sesuatu perkara, serta menggambarkan keikhlasan dalam perasaan individu.

Seramai 5 orang ahli AKRAB dari PERDA telah mengambil bahagian dalam program ini secara santai. Diskusi mengenai cinta, kehidupan syariat, hadiah, dan cabaran kehidupan cinta telah meningkatkan keyakinan diri mereka dan memberikan pelajaran baru untuk lebih peka terhadap persekitaran. Program ini juga telah menyemangati dan memberikan aura positif kepada ahli AKRAB PERDA dalam menjalankan tugas mereka dengan semangat yang tinggi.

Semoga program perkongsian ilmu ini memberi manfaat yang berkekalan kepada semua peserta, serta memperkuuhkan lagi hubungan antara ahli AKRAB dalam menjayakan matlamat bersama.



## **MESYUARAT AKRAB PERDA BIL.1/2024**

Mesyuarat Jawatankuasa AKRAB PERDA Bil 1 Tahun 2024 telah dilaksanakan secara Aplikasi Google meet pada 27 Mac 2024. Mesyuarat ini telah dipengerusiakan oleh Puan Zainab binti Puteh selaku Naib Pengerusi AKRAB PERDA bersama 13 orang ahli AKRAB. Mesyuarat ini bertujuan untuk menyusun perjalanan aktiviti AKRAB PERDA sepanjang tahun 2024. Pelbagai cadangan dan pandangan bagi memantapkan peranan AKRAB PERDA di susun seperti:

- i. Mengadakan perbincangan berkenaan program dan aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2024;
- ii. Meningkatkan kesedaran kewujudan dan fungsi AKRAB PERDA di bawah Skim Perkhidmatan Awam;
- iii. Memperkenalkan peranan dan tangungjawab jawatankuasa AKRAB kepada ahli AKRAB yang baharu dilantik;
- iv. Mengeratkan hubungan silaturahim dikalangan ahli AKRAB PERDA; dan
- v. Memupuk semangat kerja dan meningkatkan motovasi di kalangan ahli AKRAB agar sentiasa bersedia membantu rakan sekerja apabila diperlukan dalam semua keadaan.



## **PROGRAM BICARA ILMU “RAMADHAN TALK”**

Program “Ramadhan Talk” bertajuk pecutan terakhir Ramadhan siri 1 dan siri 2 telah disiaran secara *dalam talian* sepanjang bulan ramadhan pada 29 Mac 2024 dan 5 April 2024. Perkongsian ilmu yang telah disampaikan oleh Ustad Azhar bin Hamid selaku ahli AKRAB PERDA yang berpengalaman selama 20 tahun dalam menyampaikan ceramah.



## PENTAULIAHAN AKRAB PERDA

Pentauliah AKRAB PERDA baharu telah dilaksanakan pada 2 April 2024 semasa Majlis Perhimpunan Bulan April 2024. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Pengurus Besar PERDA, yang juga merupakan pengurus AKRAB PERDA. Seramai dua orang peserta yang telah memenuhi syarat telah ditauliahkan dengan Sijil AKRAB sebagai ahli AKRAB PERDA bagi tahun 2023. Tahniah diucapkan kepada Encik Amir Irsyad bin Roslan dan Encik Ahmad Muzhaffar bin Mohd Shatir.



## BENGKEL LATIHAN AKRAB PERDA

Bengkel Latihan AKRAB PERDA Tahun 2024 telah diadakan pada 10 Mei 2024. Objektif bengkel ini adalah untuk merancang program AKRAB PERDA untuk tahun 2024 dan menyiapkan kertas kerja program yang akan diadakan sepanjang tahun 2024.

### LAWATAN AKRAB JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR (JAKESS)

AKRAB Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) telah membuat lawatan balas melawat PERDA pada 10 Mei 2024. Aktiviti program lawatan balas ini merupakan satu program yang sangat bermakna dan bermanfaat kerana pengisian yang dirancang dan yang telah dilaksanakan berjaya memberikan pendedahan kepada semua pihak hasil daripada perkongsian ilmu dan pengalaman serta mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua pihak.



## Ziarah Keluarga Mangsa Helikopter

AKRAB PERDA bersama pihak pengurusan dan warga kerja PERDA-TECH telah meluangkan masa menziarahi keluarga salah seorang pelajar PERDA TECH yang merupakan anak kepada mangsa nahas helikopter Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) iaitu PW II TMK Mohd Shahrizan bin Mohd Termizi pada 8 Mei 2024 di Sitiawan Perak.

Pengurus Besar PERDA yang juga merupakan Pengerusi AKRAB telah menyampaikan wang hasil kutipan sumbangan daripada warga kerja PERDA kepada waris keluarga mangsa nahas helikopter terbabit pada 23 April 2024.



## AKRAB UNITED

Program AKRAB United merupakan acara tahunan yang diadakan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan semua ahli AKRAB. Sambutan AKRAB United pada tahun ini telah berlangsung pada 24 Mei 2024 di Ibu Pejabat PERDA, sempena meraikan Puan Roslina binti Mohammad yang akan berangkat menunaikan Ibadah Haji bagi Tahun 2024/1445H pada 28 Mei 2024. Dalam majlis tersebut, AKRAB PERDA telah menyampaikan sedikit sumbangan saguhati kepada Puan Roslina serta meraikan semua ahli AKRAB yang telah memberikan komitmen yang amat baik sepanjang tahun 2023.




# 6 KESILAPAN BERFIKIR

## Hitam atau Putih.

Menilai sesuatu perkara secara ekstrem. Analogi berfikir secara hitam atau putih adalah seperti jika sesuatu itu tidak putih maka ia hitam, juga sebaliknya. Tiada sisi "kelabu" atau sederhana dalam penilaian mereka.

*"Jika saya tidak berjaya untuk peperiksaan ini maka saya seorang yang gagal"*



## Menyalahkan diri sendiri.

Mencari kesalahan dalam diri secara berlebihan

*"Saya patut dipersalahkan. Saya tidak mencuba dengan lebih bersungguh-sungguh dalam peperiksaan itu. Disebabkan itu, saya selalu gagal."*



## Mahukan kesempurnaan.

Menjangkakan setiap perkara berada dalam keadaan sempurna.

*"Hidup saya mestilah bebas dari masalah"*



## Melabel.

Membuat kesimpulan menyeluruh terhadap sesuatu.

*"Semua wanita memandu dengan sangat teruk"*



## Membaca fikiran.

Menganggap bahawa anda tahu perasaan / pemikiran orang lain terhadap diri anda walaupun tindakan mereka tiada kena-mengena dengan anda.

*"Walaupun dia tidak pernah mengatakannya, tetapi saya tahu dia bencikan saya."*




## Perbandingan yang tidak adil.

Membandingkan diri dengan orang lain secara tidak adil dan merosakkan diri sendiri.

*"Orang lain sangat berjaya. Kenapa saya sangat bodoh dan gagal?"*



**Sumber:** Latihan One Stop Center for Addiction: Pengenalan kepada Motivational Interviewing dan CBT oleh Encik Azmi Mohamed (Pegawai Psikologi Klinikal Hospital Melaka)



## **HIMPUNAN ASPIRASI MADANI RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) BERSAMA YAB PERDANA MENTERI TAHUN 2024**

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah merasmikan Himpunan Aspirasi MADANI Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam yang dihadiri ribuan pegawai awam termasuk Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dari pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi seluruh Malaysia.

AKRAB berperanan sebagai ejen penggerak perubahan Kerajaan, di mana ianya bertanggungjawab untuk "membentuk rakan yang membantu rakan" dalam memupuk semangat berpasukan, keharmonian dan saling menghormati serta menyampaikan dasar-dasar Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI menerusi peningkatan kompetensi dengan mendalami latihan, kemahiran dan berempati menerusi pendekatan psikologi yang relevan.

Pada majlis itu juga, beliau menyeru kepada semua untuk menjadi teladan kepada nilai-nilai positif tata kelola yang baik, bertindak sebagai benteng persepsi negatif dengan menjadi sumber maklumat yang tepat bagi mendokong hasrat yang digariskan dalam Malaysia MADANI.

Seramai 6 orang Ahli AKRAB PERDA dan 4 orang anggota kerja PERDA telah menjayakan Himpunan Aspirasi Madani Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Bersama YAB Perdana Menteri pada 14 Jun 2024 bertempat di PICC Putrajaya.



**INFO PSIKOLOGI JANUARI – JUN 2024**

## **AKRAB PERDA**

**SAKAT** menentukan apa yang dapat kamu lakukan.

**MOTIVASI** menentukan seberapa besar kamu bersedia melakukan.

**SIKAP** menentukan seberapa baik kamu melakukannya.

**MOTIVASI**

**Grow Up Segala Sisi**

**OTAK**

- Baca buku positif setiap hari
- Diskusi dengan orang yang positif
- Dengarkan info berfaedah

**FIZIKAL**

- Minum dan olahraga yang cukup
- Banyakkan olahraga

**JIWA**

- Banyaklah baca buku yang positif
- Tinggalkan masyarakat yang toxic
- Interaksi dengan orang yang good vibes

**IBADAH**

- Jangan lupa berdoa apapun siktemmu
- Jangan lupa borryuruk apapun kondisimu
- Bantu orang lain sekecil apapun itu

## **KEKUATAN TIDAK DATANG**

**DENGAN KEMAMPUAN FIZIKAL**

**TETAPI**

*IANYA DATANG DARI SEMANGAT  
**YANG TIDAK PERNAH MENGALAH***





## ***HOARDING DISORDER***

**DISORDER**  
Penyakit Mental Yang Membuatkan Seseorang Itu Tidak Mampu Untuk Membuang Barang

TAHUKAH ANDA?

**TAHUKAH ANDA?**  
Hoarding Disorder merujuk kepada tingkah laku suka menyimpan barang, terlalu tinggi keinginan terhadap sesuatu barang dan sukar untuk membuang barang yang dimiliki walaupun sudah rosak atau berusia bertahun-tahun lamanya. Ini bukan cekak�atahui yang cuma membuat barang lama berpelanggaran kepada maktab mental.



<p><b>S I M P T O M</b></p>  <p>Perhubungan melampaui (obsessive attachment) terhadap objek yang sudah tidak guna</p>	 <p>Berasa tertekan apabila terlalu sayang dan tidak mampu untuk buang barang-barang tersebut.</p>	 <p>Percaya barang itu pasti ada kegunaanya pada masa depan (walaupun hakikatnya memang tiada)</p>
<p><b>F A K T O R</b></p>  <p>Keperibadian – Tidak Mempunyai Sikap Tegas</p>	 <p>GENETIK – Mempunyai hubungan yang kuat dengan peninjauan penyakit ini</p>	 <p>Tekanan hidup – individu mempunyai perasaan yang cemas dan tertekan (percorian, kemarahan orang tersayang dan kehilangan harang dalam kebakaran)</p>
<p><b>R A W A T I A N</b></p>  <p>Jumpa Pakar Psikologi</p>	 <p>Terapi Tingkah Laku Kognitif (CBT) :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Beransur-ansur belajar buang barang</li> <li>• Mengurangkan keinginan yang berlebihan untuk simpan barang</li> <li>• Meningkatkan kemahiran penyusunan, membuat keputusan dan bertenang.</li> </ul>	

## KAMI SEDIA MEMBANTU ANDA



## PERANAN AKRAB DALAM ORGANISASI:

- Membantu mewujudkan perkhidmatan prihatin ke arah meningkatkan elemen kebajikan dalam perkhidmatan;
- Membantu mempelopori program-program ke arah pembentukan budaya ke arah pembentukan budaya kerja yang beretika dan berdisiplin;
- Membantu menggalakkan dan meningkatkan semangat kekitaan;
- Mewujudkan budaya sikap sopan santun dan hormat menghormati; dan
- Membantu menyokong dan mewujudkan suasana kerja yang ceria dan harmoni.

## SIDANG REDAKSI

**Penaung** : Tuan Haji Mohd. Asri Bin Baharum

**Ketua Editor** : Puan Zainab Binti Puteh

**Editor** : Puan Anizana Binti Ahmad

**Grafik** : Puan Suryana Binti Mohd Shariff

### Hubungi Kami

#### AKRAB PERDA

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)

NO.1 LORONG KAMPUNG GAJAH 2,

JALAN KAMPUNG GAJAH

12200 BUTTERWORTH

TEL:04-3141100

FAKS: 04-3321676

WWW.PERDA.GOV.MY